

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9 May 2015

Pemahaman ASWJ secara tradisi perlu diubah ^{um} - 9/5/2015

PUTRAJAYA 8 Mei - Pemahaman mengenai Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) secara tradisi perlu diubah melalui manhaj dan objektif tersurat serta tersirat berdasarkan konteks syariah dan sejarah kewujudannya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi (**gambar**) berkata, masyarakat Islam khususnya di negara ini seharusnya tidak menyempitkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah menerusi doktrin dan tokoh tertentu yang boleh menimbulkan percanggahan dan kekeliruan.



“Dalam zaman langit terbuka dan bumi tanpa batas hari ini, keresahan mula timbul apabila fahaman lain ditonjolkan dalam masyarakat Islam yang mewujudkan pelbagai kekeliruan.

“Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia harus dipertahankan dan disuburkan menerusi kefahaman yang betul dan tepat untuk menghapuskan penyelewengan yang boleh menghakik keutuhan masyarakat Islam di negara ini,” katanya.

Beliau berucap pada majlis penutupan Muktamar Ahli Sunnah Wal Jamaah Sedunia Malaysia 2015 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.